

17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TAN SRI DR MUHAMMAD LEO MICHAEL**  
**TOYAD ABDULLAH**  
**KAWASAN** : **MUKAH**  
**TARIKH** : **27 November 2017**  
**NO. SOALAN** : **13**

**SOALAN**

Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan ekonomi berasaskan produktiviti (productivity driven economy) selain faktor digital dan teknologi sebagai langkah menghadapi cabaran era baharu sektor perindustrian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selain faktor digital dan teknologi, Kerajaan telah memperkenalkan lima (5) teras strategik di peringkat nasional dan 43 inisiatif di peringkat sektor di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mei 2017. Dokumen MPB ini menyediakan langkah untuk 'Memacu Produktiviti Negara' bagi mencapai sasaran pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.7% setiap tahun.

Lima (5) teras strategik utama dalam menangani cabaran produktiviti adalah seperti berikut:

- Menghasilkan Tenaga Kerja Masa Hadapan

Menyusun semula tenaga kerja dengan meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi, memperketatkan kemasukan pekerja berkemahiran rendah dan memenuhi permintaan ekonomi masa hadapan.

- Memacu Pendigitalan dan Inovasi

Memperkuh kesiapsiagaan perusahaan untuk mengguna pakai teknologi dan peluang digital secara berkesan (contohnya Revolusi Perindustrian 4.0)

- Memastikan Akauntabiliti Industri Terhadap Produktiviti

Mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi yang tidak kritikal, mengaitkan bantuan kewangan dan usaha liberalisasi dengan penghasilan produktiviti, dan mengukuhkan kedudukan industri ke arah segmen nilai tambah yang tinggi dalam rangkaian nilai.

- Membentuk Ekosistem yang Teguh

Menangani kekangan peraturan dan membangunkan sistem akauntabiliti yang mantap untuk memastikan pelaksanaan semakan semula pengawalseliaan yang berkesan.

- Menentukan Mekanisme Pelaksanaan yang Padu

Membudayakan produktiviti melalui gerakan nasional dan memastikan akauntabiliti ke atas prestasi produktiviti melalui mekanisme tadbir urus yang berkesan.

19

Nexus Produktiviti ditubuhkan untuk menyokong inisiatif peringkat sektor, memperkasa perusahaan untuk berdikari dan memudahcara perusahaan melalui perkongsian ilmu dan kepakaran. Sebanyak 9 Nexus Produktiviti telah dikenalpasti untuk menjayakan 43 inisiatif di peringkat sector. Tiga (3) Nexus Produktiviti telah diwujudkan, iaitu Nexus Produktiviti Peruncitan dan Makanan & Minuman (F&B); Elektrikal dan Elektronik (E&E) dan Produk Kimia. Enam (6) lagi Nexus Produktiviti akan ditubuhkan iaitu Jentera & Peralatan, Pelancongan, Agromakanan, Perkhidmatan ICT, Perkhidmatan Profesional dan Penjagaan Kesihatan Swasta. Produktiviti Nexus dipacu oleh persatuan industri dan perusahaan peneraju bagi setiap sektor dengan menyasarkan lonjakan peningkatan produktiviti yang memberi impak ke atas perusahaan besar dan PKS.

Sekian.